

Tentang niat jahat asing

UM 2 2 JUN 2001

Liputan penuh Perhimpunan Agung UMNO 2001 boleh diikuti secara masa nyata melalui laman web

www.utusan.com.my

KUALA LUMPUR 21 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa masyarakat Melayu bersatu menentang usaha berterusan pihak asing untuk menjatuhkan kerajaan Islam negara ini — biarpun berdepan dengan pengkhianat sebangsa.

Presiden UMNO itu juga melihat parti naungan Melayu seperti Pas kini sanggup melakukan penipuan dan menggadai kepentingan bangsa dengan tidak mempertahankan hak istimewa Melayu selain rela diperalatkan oleh pihak asing.

Dr. Mahathir menegaskan, pihak asing mempunyai muslihat untuk menggunakan isu-isu sejagat sambil menyokong gerakan sedemikian untuk menjatuhkan kerajaan Islam Malaysia yang diperakukan cemerlang oleh dunia.

Tetapi tegasnya, pihak asing ini tidak pernah mempunyai niat baik untuk membantu menyelamatkan negara Islam yang telah jatuh dan musnah seperti di Bosnia dan Kosovo apabila agenda mereka sudah tercapai.

“Mereka (pihak asing) bukan sayang kepada parti lawan dan ingin melihat mereka mengambil alih kerajaan Malaysia. Mereka hanya menggunakan parti lawan sebagai alat untuk menjayakan niat buruk mereka,” katanya menggelar golongan yang diperalatkan itu sebagai haprak (orang tidak berguna).

Oleh itu, katanya, orang Melayu jangan benarkan diri ditipu oleh orang asing untuk merosakkan negara sendiri. “Jangan mengkhianati bangsa dan agama. Jangan menderhaka. Jangan lupa sejarah penindasan kita oleh penjajah,” katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika menyampaikan ucapan perasmian Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, yang turut disiarkan secara langsung menerusi RTM.

Upacara perasmian tersebut dihadiri oleh 2,027 perwakilan, lebih 100 perwakilan asing dari 22 negara, para pemimpin komponen Barisan Nasional (BN) serta ribuan pemerhati di luar Dewan Merdeka.

Ucapan bertajuk *Melayu Mudah Lupa* berkisar kepada susur galur sejarah perjuangan Melayu sebelum ini sehingga kepada perkembangan sekarang yang menyakstkan kedudukan dan kepentingan Melayu tergugat kerana kerakusan berpolitik.

Dalam ucapan kira-kira sejam 57 minit,

■ Lihat muka 4

Tentang niat jahat asing

yang terpanjang dalam sejarah, beliau antara lain mengupas persoalan Islam, perpaduan Melayu, ekonomi, penguasaan ilmu, pencapaian Melayu dan demokrasi.

Dr. Mahathir menambah, demokrasi, hak sama rata, meritokrasi dan hak asasi manusia akan diguna untuk membelasah hak istimewa orang Melayu yang diperjuangkan dan dipertahankan oleh UMNO.

"Akan ada orang Melayu sendiri yang akan menjadi pengkhianat dan menyokong serangan orang asing ke atas orang Melayu.

"Mungkin ini berasa malu tetapi lebih mungkin mereka hendak bermuka-muka untuk dipuji oleh tuan mereka," kata Dr. Mahathir yang juga Perdana Menteri.

Malah menurut beliau, ramai orang Melayu akan menjadi kaki bodek orang asing, yang ingin dipuji kerana kononnya begitu progresif dan 'worldly'.

"Mereka lebih teruk daripada orang asing ini. Hari ini pun kita boleh kesan haprak ini," katanya disambut tepukan bergemuruh para perwakilannya.

Perdana Menteri mengakui negara dan kerajaan yang ada tidak bebas daripada kesalahan dan kecacatan tetapi sebagai bangsa yang bebas dan berdaulat, segala masalah harus diselesaikan dengan usaha rakyat di dalam negara sendiri menerusi proses demokrasi.

"Jangan cepat lari untuk mencari pertolongan daripada 'sheriff' bangsa lain," tegasnya.

Dalam hubungan ini, katanya, kemungkinan untuk orang Melayu hilang kuasa dan kedudukan di sebalik ungkapan keramat Hang Tuah 'Melayu takkan hilang di dunia' menjadi lebih jelas dan nyata.

Ini, menurut beliau kerana orang Melayu sudah berpecah dan menolak perpaduan disebabkan terlalu tamak sehingga bangsa dan agama tidak lagi penting se-

perti perebutan kuasa oleh parti dan orang tertentu.

Beliau juga menghuraikan bagaimana Pas menipu orang Melayu dan bukan Melayu apabila sanggup tawar-menawar mengenai soal hak istimewa orang Melayu semata-mata untuk mendapatkan undi.

Katanya, jika Pas terus menggugat kepentingan Melayu mungkin terdedah untuk menjual kepentingan Melayu apabila perkiraan politik pada pilihan raya umum 2004 menjadi meruncing.

"Hari ini, 72 daripada wakil rakyat Melayu adalah daripada parti kerajaan dan 32 daripada parti lawan. Jika hanya 21 kerusi lagi dimenangi oleh parti lawan, mereka akan dapat 53 dan UMNO dapat 51.

"Untuk mendapat 21 kerusi lagi tidak susah. Dalam kawasan yang mana UMNO menang sedikit sahaja, 200-300 undi daripada kaum lain akan memberi kemenangan kepada parti lawan. Oleh itu membelakangkan kepentingan Melayu untuk mendapat sokongan bukan Melayu memang bijak.

"Tetapi untuk memerintah perlu ada sekurang-kurangnya 97 kerusi. Oleh itu jual-beli, tawar-menawar mesti diteruskan. Apakah yang hendak dijual jika tidak kepentingan Melayu?"

Dr. Mahathir berkata, kerajaan campuran Pas yang diimpikan itu tetap lemah kerana sesiapa sahaja parti gabungan boleh menjatuhkannya dengan menarik diri.

Sehubungan itu, beliau melahirkan kebimbangan terhadap masa depan umat Melayu yang pada beliau masyarakat Melayu kini sudah lupa perjuangan mereka.

"Mereka sudah lupa bagaimana dahulu mereka dijajah dan dihina kerana mereka berpecah, tidak bersatu padu. Mereka sudah lupa akan kekuatan dan kejayaan

mereka apabila mereka bersatu melawan British dan mencapai kemerdekaan," ujar beliau.

Maka Dr. Mahathir memberi amaran bahawa orang Melayu yang masih lemah dan ketinggalan dalam banyak aspek, akan mengalami nasib buruk daripada sekarang, jika mereka mudah lupa terhadap sejarah perjuangan mereka.

Katanya, orang Melayu sebenarnya sudah lupa dengan perjuangan dan *survival* mereka sehingga sanggup bercakaran sesama sendiri tanpa menghiraukan kelemahan bangsa dalam banyak aspek.

Beliau berkata orang Melayu sudah mulai lupa atau tidak mahu memahami erti sebenar kemerdekaan dengan menganggap sesiapa jua yang menjadi kerajaan - akan terus memberi perlindungan kepada bangsa Melayu, seperti yang dilakukan kerajaan BN selama ini.

"Oleh itu, di hari ini, orang Melayu masih lemah setelah 43 tahun bebas dan berkuasa di negari sendiri. Tanpa kerajaan yang memihak dan membantu mereka dalam semua segi, mereka akan jatuh tersungkur," kata Dr. Mahathir.

Secara keseluruhannya dalam ucapan itu, beliau mahu masyarakat Melayu memulakan langkah bagi menjamin masa depan Melayu dengan mengubah sikap supaya lebih berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan termasuk hak istimewa Melayu, menguasai ilmu termasuk teknologi maklumat dan menguatkan perpaduan.

Dr. Mahathir menamatkan ucapannya dengan bertanyakan "Wahai bangsa Melayu, sudah lupakah kamu?" dan ungkapan itu mendapat tepukan bergemuruh daripada perwakilannya.